

~~309 - 77/79~~

Teng Berbahagia,
Yang di Pertua Persatuan Bekas Polis
Malaysia,
Y.B. Datuk Seri Mohd Haniff,
Ketua Polis Negara,

**AN UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI,
DATUK HUSSEIN ONN, DALAM UPACARA
MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGONG
PERSATUAN BEKAS-BEKAS POLIS
MALAYSIA DI DEWAN BAHASA DAN
PUSTAKA, PADA HARI SABTU 20HB MAC,
1976, JAM 10.00 PAGI**

Yang Berbahagia,

Yang di Pertua Persatuan Bekas Polis
Malaysia,

Y.B. Datuk Seri Mohd Haniff,
Ketua Polis Negara,

Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan
Bekas-bekas Polis,

Ahli-ahli Persatuan dan hadirin sekalian,

Hari ini saya sifatkan satu
hari yang berbahagia kerana saya berpeluang
untuk berjumpa dengan ahli-ahli Bekas
Polis Malaysia, yang menurut hemat saya,
telah banyak menabur jasa menjaga
keselamatan negara kita di masa yang
lepas.

...?/-

Saudara-saudara sekalian,

2. Saya mengucapkan syukur dan terimakasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan ini yang telah menjemput saya merasmikan perhimpunan agong pada pagi ini. Saya amat menghargai di atas kehormatan yang telah diberikan kepada saya itu.

daripada segi ekonomi dan politik bergantung besar pada kemampuan dan kesanggupan saya menjaga keselamatan. Oleh yang demikian, saya sentiasalah menitikberatkan perkara keselamatan ini dan telah menyeru setiap rakyat supaya memberikan khidmat serta tanggungan mereka terhadap menjaga dan memelihara keselamatan negara.

...3/-

Saudara-saudara sekalian,

3. Di dalam menghadapi keadaan negara kita yang sedang membangun pada masa ini, saya sentiasa memikirkan bahkan memberi keutamaan kepada soal keselamatan negara kita. Masalah keyakinan rakyat luar dan dalam negeri terhadap masa depan dan kestabilan negara kita, daripada segi ekonomi dan politik bergantung besar pada kemampuan dan kesanggupan saya menjaga keselamatan. Oleh yang demikian, saya sentiasalah menitikberatkan perkara keselamatan ini dan telah menyeru setiap rakyat supaya memberikan khidmat serta tanggungan mereka terhadap menjaga dan memelihara keselamatan negara.

4. Saudara-saudara yang menjadi ahli Persatuan ini adalah bekas anggota polis atau pertubuhan yang berkait dengan keselamatan. Saudara-saudara anggota polis yang sedang berkhidmat sekarang, pada satu masa kelak, akan juga menjalani nasib yang sama, seperti saudara-saudara iaitu bersara dan berkhidmat menjadi anggota kepada Persatuan Bekas Polis, seperti Persatuan ini.

Saudara-saudara sekalian,

5. Saya amat terharu dengan lafaz ikrar saudara-saudara sekalian yang memberi sokongan kepada saya sebentar tadi. Sesungguhnya, saya sangat menghargai akan ikrar tersebut dan berharap dengan sokongan dan perpaduan Persatuan seperti saudara-saudara ini kita akan dapat memelihara dan menjaga keselamatan negara kita dengan penuh keyakinan dan ketabahan lagi.

Saudara-saudara sekalian,

6. Ucapan Yang di Pertua tadi menggambarkan perkembangan dan usaha Persatuan ini. Saya sangat bangga kerana Persatuan ini telah dapat menggabungkan lebih tujuh belas ribu ahli, dua tahun yang lalu. Bagaimanapun, jumlah anggota ini telah turun sedikit kerana beberapa sebab. Sekalipun demikian, saya berharap supaya saudara tidak akan mudah hilang kepercayaan dan janganlah putus asa kerana nasib kita hanya akan dapat dibela secara 'collective' menerusi Persatuan seperti ini.

7. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah membentuk satu unit untuk memberi perhatian kepada kebajikan dan keselamatan bekas anggota polis. Langkah ini sangat baik kerana semenjak berpuluh tahun yang lepas, terutama setelah tamatnya perang dunia yang kedua, anggota polis dan pasukan keselamatan telah memainkan peranan mereka dalam zaman darurat sebelum merdeka dan zaman darurat selepas merdeka.

Saudara-saudara,

8. Saudara-saudara yang telah menjadi anggota polis telah pun merasa bagaimana pahit dan maungnya tugas serta peranan menjaga keselamatan ini, kerana keselamatan itulah yang memberikan kesejahteraan dan kesenangan kepada keseluruhan rakyat negara ini. Oleh sebab itulah Kerajaan telah mengambil keputusan supaya kebajikan bekas-bekas polis ini dijaga.

...9/-

...10/-

Saudara-saudara,

9. Kemakmuran negara kita ini, seperti yang dinikmati dan dirasakan oleh sebilangan besar penduduk Malaysia, baik yang menjadi rakyat mahu pun yang tidak, pada amnya adalah hasil daripada jasa dan khidmat saudara-saudara sekalian.

10. Oleh itu, saya sentiasa menekankan peri mustahaknya layanan yang sesuai serta sikap yang positif ditunjukkan kepada petugas-petugas keamanan ini di atas khidmat yang telah dan sedang diberikan itu.

11. Oleh kerana jumlah anggota pasukan keselamatan kita khasnya daripada bekas polis makin ramai setiap tahun, maka usaha untuk menjaga kebajikan mereka itu makin besar dan bertambah. Pada hemat saya, sungguhpun pihak Kerajaan memberikan perhatian yang berat terhadap kebajikan bekas anggota polis dan juga tentera, tetapi tugas menjaga kebajikan itu patutlah dijalankan secara bersama oleh kedua-dua belah pihak iaitu pada pihak Kerajaan dan pihak persatuan seperti Persatuan saudara ini juga.

12. Yang terakhir, saya menyerukan pada

11A. Pada hemat saya, masanya sudah tiba agar persatuan seperti saudara ini yang didokong oleh ramai ahli ditadbirkan oleh gulungan professional di samping mengadakan projek yang mendatangkan keuntungan dan hasil keuntungan itu dapat dilaburkan kepada ahli-ahli.

12. Yang demikian, saya menyerulah pada setiap anggota polis supaya memberikan kerjasama dan perhatian mereka dalam penyatuan usaha seperti persatuan ini, agar kebajikan anggota pasukan keselamatan khasnya anggota polis ini sekurang-kurangnya dapat diringkatkan, sekalipun kita tidak dapat mencapai sepenuhnya apa yang kita taja dan cita-citakan. Tetapi percayalah bahawa dengan perpaduan menerusi persatuan seperti ini, kita akan dapat bergerak dan melangkah bagi mencapai cita-cita kita dengan syarat bahawa pimpinan Persatuan ini terus memberikan dedikasi dan khidmatnya mengadakan rancangan yang sesuai serta sejajar dengan kehendak dan keinginan para polis sekalian.

Saudara-saudara sekalian,

13. Tidaklah dapat dinafikan bahawa anggota pasukan polis telah memainkan peranan dan khidmat mereka dengan cemerlang di masa lepas. Demi keadaan ketenteraman yang masih belum teratur, Kerajaan telah pun mengumumkan rancangannya untuk membesarkan lagi pasukan polis supaya dapat menjamin akan keselamatan dan ketenteraman di negara ini. Oleh itu, saya penuh yakin bahawa dengan usaha bersama kita akan dapat memainkan peranan pula bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan sekalian yang telah memberi jasa dan khidmat kepada negara itu.

14. Dalam hubungan ini, saya ingin mengulang semula kenyataan saya tentang perlunya kebajikan anggota polis ini dikaji dan diperbaiki. Demikian jugalah halnya dengan pasukan tentera. Proses pengkajian ini sedang berjalan tetapi tentulah mengambil masa sedikit oleh sebab banyak implikasinya. Bagaimanapun, saya berharap hasil pengkajian tersebut dapat diumumkan dalam masa yang seberapa segera yang boleh.

Saudara-saudara sekalian,
Saudara-saudara sekalian,

15. Ucapan Yang di Pertua tadi telah juga menyebut tentang kerunsingan Persatuan pada mendapatkan tanah di Wilayah Persekutuan ini untuk dijadikan tapak asas menjalankan aktiviti yang memberi keuntungan. Demikian juga mengenai kurangnya layanan Kerajaan Negeri terhadap permohonan mendapatkan tanah, soal perumahan dan lain-lain. Saya tidaklah ingin berjanji di sini tetapi saya akan cuba mengarahkan perhatian pihak-pihak yang berkenaan termasuk FELDA, kepada soal-soal yang mendesak ini. Mudah-mudahan, harapan Persatuan ini tidak dihampa atau diabaikan, begitu sahaja kerana ia pasti akan membawa akibat-akibat di lapangan sosial.

Saudara-saudara sekalian,

16. Saya telah menyebut mengenai soal keselamatan dan jasa-jasa yang telah saudara curahkan dalam lapangan ini, di masa yang lepas. Saya juga telah menyebut mengenai masalah keselamatan yang sedang kita hadapi. Dalam hubungan ini, saya sangat tertarik hati dengan ikrar Persatuan ini untuk memberikan kerjasamanya terhadap Kerajaan dalam bidang memelihara keselamatan ini. Saya percaya, dengan pengalaman saudara sekalian dalam bidang keselamatan ini, seperti usaha mengumpul dan menyampaikan maklumat, mengawas gerakan musuh, saya penuh yakin saudara-saudara akan dapat memberi sumbangan yang benar-benar berkesan terhadap Kerajaan, dalam lapangan ini.

17. Dengan kerjasama seperti ini, kita berharap bahawa aktiviti musuh-musuh negara akan dapat dikesan dan diawasi, setiap masa supaya kita mengetahui akan gerak geri mereka itu. Di samping itu, saudara-saudara juga akan dapat menjadi penyambung lidah Kerajaan dalam menerangkan dasar dan juga pendirian Kerajaan mengenai masalah-masalah pembangunan dan lain-lain.

18. Dalam negara kita yang sentiasa dipengaruhi oleh surat-surat layang, khabar-khabar angin dan hasut-hasutan mustahaklah setiap petugas Kerajaan termasuk juga setiap mereka yang telah berkhidmat dengan Kerajaan untuk mengetahui akan keadaan yang sepenuhnya supaya kita terhindar daripada pengaruh-pengaruh yang boleh memecahbelahkan dan mengadu domba kita. Saya harap saudara-saudara sekalian akan dapat membantu usaha Kerajaan dalam lapangan ini.

Saudara-saudara sekalian,

19. Dalam bulan Julai ini, Dewan Rakyat akan membincangkan peruntukan rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Seperti matlamat Rancangan Malaysia Kedua yang berasaskan Dasar Ekonomi Baru, Rancangan Malaysia Ketiga akan terus menitikberatkan pelaksanaan rancangan-rancangan yang boleh membasmi kemiskinan di samping menyusun semula masyarakat kita yang ada sekarang ini supaya tiap-tiap rakyat yang daif dan miskin tidak kira keturunan, bangsa dan ugama, akan dapat merasai nikmat dan faedah yang saksama.

20. Di bawah Rancangan Malaysia

Ketiga, Kerajaan juga akan membina lebih banyak rumah-rumah murah di bandar-bandar untuk memberi kemudahan kepada golongan yang berpendapatan rendah termasuklah bekas anggota polis. Saya sukalah menyeru pihak yang berkenaan supaya memberi perhatian khas kepada permohonan-permohonan dari bekas anggota polis ini.


21. Akhirnya, saya juga suka mengambil kesempatan ini merayu Kerajaan-Kerajaan Negeri supaya dapat memberikan sokongan dan kerjasama mereka kepada sebarang rancangan dan projek yang diselenggarakan oleh Persatuan Bekas Polis ini, khasnya mengenai masalah tanah yang amat diperlukan oleh ahli anggota Persatuan ini untuk bercucuk tanam dan menjalankan rancangan pertanian.

Saudara-saudara sekalian,

22. Saya telah menyatakan sikap dan perhatian saya terhadap Persatuan ini. Dengan harapan inilah saya dengan sukacitanya merasmikan perhimpunan agong Persatuan dan mendoakan kita sentiasa diberkati Allah dalam semua usaha kita.

Terimakasih.

—o0o—





—000—

No. Siri 173
No. Penerimaan 29/79